

# **KENYATAAN YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI MESYUARAT MAJLIS PENUH 27 JUN 2013**

---

## **1. BIL CUKAI PINTU UNTUK PENGGAL KEDUA 2013**

Sukacita di sini saya memaklumkan bahawa bil cukai pintu untuk Penggal Kedua 2013 telah dipos kepada semua pemilik premis di Seberang Perai mulai 15 Jun 2013 dan pembayaran perlu dibuat sebelum 31 Ogos 2013. Bagi pemilik premis yang masih belum menerima bil cukai pintu, semakan boleh dibuat di Kaunter Bayaran MPSP di Bandar Perda, Butterworth dan Jawi atau di laman web MPSP iaitu [www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my). Di samping itu, jika terdapat sebarang pertanyaan, boleh menghubungi di talian 04- 5497470 / 471 / 696 / 697 / 468 atau e-mail ke [waran@mpsp.gov.my](mailto:waran@mpsp.gov.my).

## **2. DIALOG BAJET 2014**

Selain itu, saya juga ingin memaklumkan bahawa MPSP akan mengadakan Program Dialog Bajet 2014 pada 6 Julai 2013 bersempena sambutan Hari Majlis Ke-39 yang akan dirasmikan oleh YAB Ketua Menteri Pulau Pinang. Bagi tujuan tersebut, satu soal selidik Bajet 2014 telah dipaparkan di laman web MPSP iaitu [www.mpsp.gov.my](http://www.mpsp.gov.my). Kerjasama dan penglibatan penduduk serta pembayar cukai di Seberang Perai adalah diharapkan supaya dapat memberi maklumbalas

serta cadangan agar dapat kita bersama-sama menjadikan Seberang Perai satu tempat yang lebih bersih, indah dan selesa untuk didiami, bekerja serta menjadi tarikan pelaburan. Soal selidik Bajet 2014 di laman web MPSP boleh dicapai mulai 15 Jun 2013 sehingga 1 Julai 2013. Maklumbalas serta cadangan daripada responden akan diambil kira oleh MPSP semasa penyediaan Bajet 2014 kelak.

### **3. PEMBUKAAN KAUNTER BAYARAN, IBUPEJABAT MPSP PADA HARI SABTU DAN AHAD SEPANJANG BULAN JULAI DAN OGOS 2013**

Dimaklumkan bahawa sempena bulan bayaran cukai taksiran, Bahagian Kaunter Berpusat, Jabatan Khidmat Pengurusan akan membuka kaunter bayaran pada hari Sabtu dan Ahad sepanjang bulan Julai dan Ogos (kecuali Cuti Umum) bermula jam 8.30 pagi sehingga jam 12.30 tengah hari. Tujuan pembukaan kaunter pada hujung minggu ini adalah untuk memberi kemudahan kepada para pelanggan dan stakeholders untuk membuat bayaran cukai taksiran setengah tahun kedua 2013 untuk semua jenis pegangan harta berkadar seluruh Seberang Perai. Selain itu, Kaunter Berpusat juga turut menerima dan memproses lain-lain perkhidmatan sepanjang tempoh operasi tersebut.

#### **4. PENGIFTIRAFAN MPSP SEBAGAI PEJABAT HIJAU PULAU PINANG**

Dimaklumkan pada 5 Jun yang lalu, Majlis Perbandaran Seberang Perai telah diiktirafkan sebagai Pejabat Hijau Pulau Pinang oleh Penang Green Council (PGC). Sijil dan plak telah disampaikan oleh Y.A.B Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang. MPSP merupakan salah satu daripada tiga agensi kerajaan yang menerima pengiktirafan tersebut. Pengiktirafan ini adalah untuk tempoh 2 tahun iaitu dari tahun 2013 sehingga tahun 2015.

#### **5. SAMBUTAN PERAYAAN HARI MAJLIS KE 39**

Dimaklumkan bahawa Perayaan Hari Majlis akan diadakan pada hari Sabtu, 6 Julai 2013 bertempat di Ibu Pejabat MPSP Bandar Perda, Bukit Mertajam. Program sepanjang hari ini bermula jam 8.30 pagi dan akan disempurnakan oleh Y.A.B Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang. Terdapat pelbagai aktiviti seperti Pelancaran “Seberang Perai Tourist Map”, Sesi Dialog Bajet 2014, Kaunter Pengurangan Kompaun, Persembahan Kereta Kawalan Jauh, Pameran dan Gerai Jualan. Bersempena dengan sambutan perayaan Hari Majlis, terdapat program penyampaian sijil dan anugerah kepada kakitangan dan stakeholder seperti Penyampaian Sijil Program Kualiti, Sijil & Insentif kepada Pekerja Contoh, Pertandingan Sukan MPSP, Pembayar Cukai Terbaik, Sijil Penghargaan kepada Individu dan Pertubuhan, Hadiah Pemenang Pertandingan Fotografi Seberang Perai dan Anugerah Industri Hijau.

Sambutan Hari Keluarga dan sukaneka untuk warga MPSP juga akan diadakan pada hari yang sama. Semua warga Seberang Perai dijemput hadir untuk menjayakan sambutan perayaan ini.

## **6. KAUNTER PENGURANGAN KOMPAUN**

Untuk makluman, sempena Perayaan Hari Majlis yang ke 39 pada 6 Julai 2013 Majlis akan memberi diskaun untuk semua Kompaun Tanpa Lesen yang belum didaftar di mahkamah. Jenis-jenis kesalahan yang akan diberi potongan adalah seperti berikut:

- i. Undang-Undang Kecil Penjaja 1991
- ii. Undang-Undang Kecil Iklan 2001
- iii. Undang-Undang Kecil Bayaran Lesen 1981
- iv. Akta Kerajaan Tempatan (Kesalahan Tidak Pamer Lesen)

Kadar pengurangan kompaun untuk semua kesalahan di atas adalah RM50.00.

Manakala bagi kompaun Tempat Letak Kereta diskaun RM15.00 dikenakan pada 6 Julai 2013 untuk semua kompaun yang belum didaftar di mahkamah.

## **7. FORUM PERDANA EHWAL ISLAM**

Pada hari Jumaat, 5 Julai 2013 bertempat di Ibu Pejabat MPSP Bandar Perda, Bukit Mertajam akan diadakan Forum Perdana Ehwal Islam bersempena dengan sambutan perayaan Hari Majlis ke 39. Semua warga Seberang Perai dijemput untuk bersama-sama menghadiri majlis

ilmu yang akan membariskan panel seperti Ustaz Roslan bin Che Ros, Ustaz Kazim bin Elias dan Ustaz Elias bin Zakaria.

## **8. SENAMROBIK BERSAMA MPSP**

Dimaklumkan bahawa Program Senamrobik Bersama MPSP akan diadakan di Taman Tunku pada hari Ahad 7 Julai 2013. Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti sihat kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi. Untuk makluman, senamrobik akan dihentikan untuk sementara dalam bulan Ramadhan dan disambung semula pada bulan Ogos iaitu selepas Hari Raya Aidil Fitri.

## **9. HARI ULANG TAHUN PERISYTIHARAN TAPAK WARISAN DUNIA**

Dimaklumkan bahawa pada hari Ahad, 7 Julai 2013 adalah Hari Ulang Tahun Perisytiharan Georgetown sebagai Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO. Sehubungan itu hari Isnin 8 Julai 2013 adalah hari cuti umum bagi negeri Pulau Pinang.

## **10. SELAMAT BERPUASA**

Dimaklumkan bahawa pada hari Rabu, 10 Julai 2013 adalah hari Awal Ramadhan. Justeru saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan Selamat Berpuasa kepada seluruh umat Islam di Pulau Pinang.

## **11. HARI NUZUL AL QURAN**

Dimaklumkan bahawa pada hari Jumaat 26 Julai 2013 adalah Hari Nuzul Al Quran. Hari tersebut adalah hari cuti umum untuk negeri Pulau Pinang.

## **12. TERIMA KASIH KEPADA SEMUA AHLI MAJLIS**

Ahli Majlis-Ahli Majlis yang dilantik dari 1 Januari 2013 hingga 31 Jun 2013, mesyuarat ini adalah merupakan hari terakhir tuan-tuan dan puan-puan sebagai Ahli Majlis bagi penggal ini. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua dan mohon maaf sekiranya terdapat salah dan silap.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**